

Zakat dan Tujuannya

(Oleh: Arifin bin Muhammad Akim)

Dalam Islam zakat terbahagi dua: zakat fitrah

dan zakat harta. Zakat harta ini pula meliputi:

1. Zakat emas perak
2. Zakat binatang ternak
3. Zakat perniagaan
4. Zakat tumbuh-tumbuhan

Undang-undang zakat telah diperkuatkuasakan pada bulan Syawal tahun yang kedua hijrah.

Allah memberi perhatian yang berat terhadap zakat. Pada umumnya tiap-tiap firmanNya tentang sembahyang maka kalimah 'zakat' tak terpisah dengan perkataan 'solat', sebagai contoh maka diantaranya:

1. *wa aqīmū al-salāta wa ātu al-zakāta wa aqriḏhū allāha qarḏan hasanān.*

2. *wa aqīmū al-salāta wa ātu al-zakāta wa aqī'ū al-rasūla la 'allakum turhamūn*

3. *wa mā umirū illā liya 'budū allāha mukhlisīna lahu al-dīn hunafā'a wa yuqīmū al-salāta wa yu'tu al-zakāta wa dhalika dīn al-qayyimah.*

Sebab di sana ada pokok yang terpenting yang mengajari manusia supaya melalui dua jalan ini: 'solat' jalan manusia menuju Tuhan dan 'zakat' jalan manusia menuju masyarakat.

Kerana sudah menjadi tabiat manusia ini hidup bermasyarakat maka hal ini dengan sendiri terbentuk masyarakat manusia yang kelak di dalamnya ada tingkat peringkat, mungkin kaya, hina mulia, susah senang, lapar kenyang.

Maka sudah tentu di sana akan ada mereka yang punya harta dan tak sunyi pula orang yang miskin dan sesak hidupnya. Keadaan yang ada perlawanan ini masyarakat akan menjadi pincang kalau tidak segera diusahakan supaya pertentangan kelas ini tidak akan merebak dan mendalam.

Maka dengan kita sedari atau tidak, hukum Islam sedia ada dalam mengubat dan merawat difardhukan berzakat pada tiap-tiap mereka yang ada harta sebagai menunaikan kewajipan kepada masyarakat.

Zakat adalah sistem ekonomi Islam yang telah dicipta oleh Tuhan begitu rupa. Tuhan telah memberi kebebasan penuh dalam mencari harta dengan firmanNya: "*Fa idhā quḏiyati al-solata fantshirū fi al-ard.*" Dalam mengenakan undang-undang zakat bukannya bererti Islam merampas hak milik seseorang tetapi mengambil sebahagian saja dari kumpulan hartanya untuk keamanan dirinya dan kebahagiaan masyarakat seluruhnya.

Dalam perkara ini Islam bertentang bulat dengan faham komunis yang merampas hak milik seseorang dan menjadikan keseluruhannya milik negara. Merampas tenaga manusia dan merampas kebebasan mencari harta adalah pertentangan tabii manusia.

Dengan kapitalisme pula, Islam tidak boleh berkawan kerana sikap melonggok dan mengumpulkan harta sebanyak-banyaknya dengan tidak mempedulikan harga nilai tenaga manusia yang digunakan dan tidak menghiraukan

penderitaan saudaranya yang menjadi anggota dalam masyarakat sendiri. Nafsu yang timbul sedemikian terdapatlah krisis masyarakat yang mendalam antara orang yang susah susah-susahnya dengan orang senang sesenang-senangnya.

Sebab orang-orang yang berharta tidak akan mendapat kekayaan kalau tidak orang-orang miskin ada dalam satu-satu masyarakat dan tidak pula merasai kemakmuran dan kebahagiaan hidup manusia seluruhnya. Kalau segala perkara dan segala benda dijadikan alat sahaja. Oleh sebab itu Islam dengan lantang menyuruh menjadi kaya sekaya-kayanya dan menjamin kekayaan dari usahanya itu tidak akan dirampas, hanya dalam menghadapi masyarakat maka orang-orang yang berharta bertanggungjawab memberi bantuan. Jelasnya, Islam mewajibkan zakat itu adanya dengan tujuan yang baik kepada semua peringkat manusia.

Pernahkah orang Islam enggan mengeluarkan zakat? Keengganan ini bukanlah perkara baru malahan telah timbul semenjak zaman Saidina Abu Bakar memerintah negara Islam. Saidina Abu Bakar menghadapi kejadian yang merbahaya ini dengan mengeluarkan undang-undang iaitu siapa-siapa yang enggan mengamalkan rukun Islam yang ketiga ini akan diperangi! Sahabat-sahabatnya mengerti berjalannya zakat bererti menjamin perjalanan kerja-kerja kebajikan masyarakat Islam dan memanglah dalam negara Islam, zakat adalah khazanah kerajaan.

Dalam melaksanakan hukum zakat ini siapa dapat dijalankan maka tergantung pada undang-undang. Undang-undang ertinya kekuasaan maka kekuasaan itu adalah politik, kerana zakat itu ialah masalah harta, masalah ekonomi pada hakikatnya maka nyatalah sesudah dari segi ilmu politik dan ekonomi berpaut taut berpegang antara satu sama lain dan tiap-tiap soal ekonomi pada umumnya hendaklah politik itu berjalan sama untuk mengawal dan menjaga masyarakat supaya tidak berkucar

kacir. Maka dalam melaksanakan inilah diadakan pengawasan, diadakan undang-undang dan inilah dimaksud dalam Islam mengadakan orang beramal, maka tiap-tiap amal ada juga jabatan yang mentadbirkan.

Pada zahimya, mengenakan undang-undang agama atau undang-undang negeri seperti paksa tetapi dikaji secara mendalam maka di sana ada beberapa pokok yang terpenting untuk dijaga dan dikawal. Dalam Islam sudah terbentang terang masalah yang menghadapi dua darurat yang berat maka pilihlah yang lebih ringan! Dan yang lebih selamat kepada masyarakat masalah zakat umpamanya kiranya tidak ada satu undang-undang yang tertentu dapat dijalankan nescaya akan timbul beberapa keadaan yang membahayakan. Kita akan melihat orang-orang mengambil kesempatan memungut zakat yang tak layak diterimanya. Kita akan menyesali sikap orang banyak Islam akan tidak memberati hukum Islam yang besar ini. Kita akan melihat orang-orang Islam mengeluarkan zakatnya dengan cara menipu Tuhan! Pendek-pendeknya banyaklah perkara-perkara akan terserempak sekiranya tak ada undang-undang yang khas diperkuat kuasakan.

Peluang baik

Kirimlah wang atau setem 30 sen

tuan akan dapat risalah:

1. Persaudaraan dalam Islam.

(ceramah Prof Abdul Kahar Muzakkar)

2. Kesedaran

3. Penindasan Rusia di Turkistan.

(ceramah Kiyai Muhammad Arsyad Talib Lubis.)

Alamatkan kepada:

IKHWAN,

358-B, Geylang Rd.,

Singapore 14.